

Headline	Latihan katering di Arab Saudi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	770 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Basir Zahrom	AdValue	RM 26,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,628



# Latihan katering di Arab Saudi

» Pelajar IKBN  
berpeluang  
jalani latihan  
dengan  
Almunief  
Katering yang  
beroperasi  
di Makkah,  
Madinah dan  
Jeddah



Headline	Latihan catering di Arab Saudi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	770 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Basir Zahrom	AdValue	RM 26,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,628

**Oleh Basir Zahrom**  
**► Kuala Kubu Bharu**

**P**elajar Hospitaliti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) berpeluang menjalani latihan selama enam hingga setahun dengan Almunief Katering yang beroperasi di Makkah, Madinah dan Jeddah sekiranya mendapat kelulusan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Pengarah Urusan Almunief Katering, Sulaiman Ismail, berkata pihaknya bersedia menawarkan kemudahan tiket penerbangan, penginapan, insurans, elaun, makan dan minum sepanjang mereka di sana, kecuali visa yang perlu diusahakan pihak IKBN atau KBS.

Anak Malaysia yang menjalankan pengurusan catering ini juga dapat kepercayaan daripada Tabung Haji untuk menyediakan makanan dan minuman kepada jemaah Tabung Haji bagi operasi di sana.

“Penawaran ini bakal memberi kepuasan kepada saya untuk membantu generasi belia, khususnya rakyat Malaysia,” katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan perbincangan dengan Pengarah IKBN Peretak, wakil IKBN

Bandar Penawar, Johor; IKBN Bachok, Kelantan; IKBN Kemasik, Terengganu dan Usahawan kelahiran IKBN Peretak, Rohayati Ayub dari Bukit Mertajam Pulau Pinang.

Hadir sama dalam lawatan itu ialah Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran KBS, Mohd Ghazali Mahmood; Ketua Cawangan Hubungan Industri, Sivaraja Al Sathasivan dan Ketua Jabatan Hospitaliti IKBN Peretak, Ratha Vitiveloo.

**Kemahiran pelajar IKBN terbukti**

Dalam pertemuan itu, Pengarah IKBN Peretak, Wan Sallam Wan Yusuff melahirkan rasa gembira di atas kesudian pihak Almunief kerana memberi peluang kepada pelajar IKBN untuk mendapatkan pengalaman di luar negara, biarpun keputusan akhir bergantung kepada KBS.

Katanya, mutu pelajar kelahiran IKBN di negara ini memang terbukti apabila menjadi rebutan daripada pelbagai pihak sama ada syarikat swasta atau kerajaan dan ramai juga bekas pelajar IKBN berjaya mengendalikan perniagaan sendiri.

“Terima kasih atas sumbangan dan usaha yang telah dijalankan oleh pihak Alumni IKBN Peretak yang diterajui oleh Yang Dipertuanya, Samsudin Oli Mohamed yang juga Presiden Alumni IKBN dan institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di bawah Bahagian Pembangunan Kemahiran, KBS.

“Semuanya bergantung kepada KBS dan proses untuk menyediakan visa sebelum menghantar pelajar ke sana”

katanya.

Sementara itu, dalam kunjungan ke IKBN Peretak, pihak Almunief dibawa melawat kelas hospitaliti yang menempatkan pelajar yang menjalani kursus.

Satu sesi dialog dan soal jawab diadakan antara pihak pengurusan Almunief dengan pelajar dari IKBN Peretak, Bandar Penawar, Bachok dan Kemasik.

**Yakin diestui KBS**

Dalam sesi bersama usahawan itu, pelajar yang hadir mendapat penerangan mengenai Syarikat Almunief yang beroperasi di Makkah, Madinah serta Jeddah, selain soal jawab serta kemudahan yang disediakan sekiranya mereka menjalani latihan di sana termasuk penginapan, makan mahupun minum.

Sementara itu, Samsudin Oli Mohamed yakin usaha yang dijalankan akan diestui KBS dan proses atau penempatan pelajar IKBN ke luar negara juga perlu dikembangkan kepada kursus lain memandangkan di universiti banyak program mobiliti atau penempatan pensyarah mahupun pelajar luar negara dijalankan.

Katanya, sudah tiba masanya pelajar IKBN/IKTBN berada dalam kelompok komuniti global selepas menjadi rebutan di dalam negara.

“Saya amat berharap KBS dapat memberikan sokongan kepada usaha yang dijalankan oleh Alumni IKBN/IKTBN ini terutama dalam proses mendapatkan urusan visa bagi pelajar yang akan menyertainya kerana semua urusan lain ditanggung oleh pihak Almunief Katering,” katanya.





Headline	Latihan katering di Arab Saudi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	770 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Basir Zahrom	AdValue	RM 26,543
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,628



Pelajar IKBN Peretak menghasilkan roti.



Wakil dan pelajar IKBN yang menyertai sesi dialog bersama Almunief Katering.



Persiapan meja makan.